

Newspaper	Berita Harian
Date	18/6/2013



Dari kiri Peled, Dr Mahathir, Norma dan Pengerusi Centre For Political And Development Studies (CPDS), Dr Mahmoud M. Alhirhani pada majlis pelancaran buku di Yayasan Keamanan Global Perdana di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO BERNAMA]

Dr M kutuk kuasa besar berat sebelah

BH - 18/6/2013

» *Penduduk Palestin dijadikan tebusan sebagai pertukaran*

Oleh Haika Khazi
mfazul@mediaprima.com.my

Putrajaya

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengutuk kuasa besar yang bersikap berat sebelah dalam isu membabitkan regim Israel dan penduduk Palestin.

Beliau melahirkan rasa kecewa kerana kuasa besar yang lantang menyuarakan keadi-

lan dan pemerintahan mengikut undang-undang 'menghalalkan' tindakan Israel memjarakan rakyat Palestin untuk dijadikan pertukaran.

"Penduduk Palestin ditahan semata-mata untuk dijadikan tebusan sebagai pertukaran jika ada askar Zionis ditahan pejuang Palestin. Israel satu-satu negara di dunia yang menahan rakyat musuh untuk pertukaran tebusan. 5,000 banduan Palestin digunakan sebagai pertukaran untuk seorang askarnya yang di-

tahan di Palestin.

Pengalaman 22 tahanan

"Semuanya pasal 'keselamatan Israel', seolah-olah keselamatan orang lain tak penting," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku 'The Prisoners' Diaries', di sini semalam.

Buku suntingan Puan Sri Norma Hashim itu merangkumkan pengalaman 22 tahanan Palestin di penjara Israel, iaitu sebahagian daripada 1,027 banduan yang dibebaskan pada 2011 sebagai pertukaran untuk seorang anggota tentera Israel, Gilad Shalit.

Ia diterbitkan pada 17 April

lalu sempena Hari Banduan Palestin bagi memperingati banduan Palestin dulu, kini dan akan datang.

Sementara itu, Norma berkata, beliau rasa terpanggil untuk menulis buku kompilasi kisah banduan Palestin kerana masyarakat dunia patut tahu mengenai kekejaman dan kezaliman rejim Zionis.

"Apabila mendengar kisah seorang kenalan dari Gaza, saya amat terharu dan rasa orang lain di seluruh dunia patut tahu mengenai kekejaman dan kezaliman Israel terhadap lebih 5,000 rakyat Palestin ditahan rejim Zionis sehingga puluhan tahun.

"Sebelum ini dunia kurang mengetahui kisah sebenar kerana kebanyakan media antarabangsa hanya kecoh bila Israel diserang dengan roket kecil oleh pejuang Palestin.

"Kita tidak banyak dengar berita mengenai kanak-kanak Palestin kena tahan berpuluh tahun kerana membaling batu kepada tentera Israel," katanya

“

Kita tidak banyak dengar berita mengenai kanak-kanak Palestin kena tahan berpuluh tahun kerana membaling batu kepada tentera Israel”

Norma Hashim
Penulis